

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini mengandungi kesimpulan keseluruhan hasil kajian dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada pihak yang bertanggungjawab terhadap saudara baru untuk meningkatkan lagi keberkesanan aktiviti dakwah yang dijalankan.

5.2 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan hasil kajian ini, terdapat tiga kesimpulan yang telah dirumuskan iaitu:

- i. Statistik saudara baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- ii. Aktiviti dakwah saudara baru di JAWI.
- iii. Masalah dalam aktiviti dakwah saudara baru di JAWI.

5.2.1 Statistik Saudara Baru di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Statistik saudara baru yang dikeluarkan oleh JAWI dari tahun 2004 hingga 2009 adalah seramai 3866 orang, yang terdiri daripada 2335 lelaki (60%) dan 1531 perempuan (40%) dari pelbagai bangsa dan suku kaum. Bagi tahap pendidikan mereka adalah tidak tetap berdasarkan statistik tahap pendidikan iaitu tinggi ialah seramai 1353 orang (35%), menengah seramai 1533 orang (40%), rendah pula adalah seramai 705 orang (18%) dan tahap lain-lain pendidikan pula hanya seramai 275 orang (7%). Berikutnya jumlah dari

agama yang paling ramai memeluk Islam, Buddha iaitu seramai 857 orang (22%), Hindu iaitu 670 orang (17%) dan lain-lain agama iaitu seramai 495 orang (13%). Bagi peringkat umur dari 18 hingga 30 tahun iaitu seramai 2089 orang (54%), 31 hingga 40 tahun iaitu 1076 orang (28%), 41 hingga 55 tahun 472 orang (12%), 56 tahun ke atas ialah seramai 101 orang (3%), manakala 0 hingga 10 tahun ialah seramai 67 orang (2%) dan seterusnya peringkat umur 11 hingga 17 tahun ialah seramai 61 orang (2%).

5.2.2 Aktiviti Dakwah Saudara Baru di JAWI

Hasil kajian berkaitan aktiviti dakwah saudara baru di JAWI dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- i. Aktiviti pengisian ilmu.
- ii. Aktiviti sambutan keagamaan.
- iii. Aktiviti kebajikan.

5.2.2.1 Aktiviti Pengisian Ilmu

- i. Aktiviti pengisian ilmu terhadap saudara baru yang telah dan sedang dijalankan berdasarkan laporan, dokumen dan menggunakan kaedah temu bual berstruktur. Antara informannya ialah individu yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dakwah terhadap saudara baru iaitu pegawai, penyelarass, mubaligh, kaunselor dan saudara baru yang mengikuti kursus atau berurusan dengan JAWI.
- ii. Aktiviti pengisian ilmu terhadap saudara baru merangkumi kelas pengajian al-Quran, kelas pengajian asas-asas fardu ain, kursus intensif

fardu ain/khemah ibadah, kursus pemantapan akidah, majlis bacaan dan penghayatan Yasin, majlis ilmu dan ceramah, konvensyen/muzakarah saudara baru/Muslim, kursus metodologi dakwah dan khidmat nasihat/kaunseling.

- iii. Setiap aktiviti pengisian ilmu yang dilaksanakan oleh JAWI telah ditetapkan rangka kerja atau modulnya supaya setiap aktiviti tersebut dilakukan tidak lari dari landasan asal objektif penubuhan Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim ini.
- iv. Aktiviti yang dijalankan adalah mengikut jadual yang telah ditetapkan seperti aktiviti harian, bulanan dan tahunan yang melibatkan pembimbing terdiri dari staf JAWI sendiri atau pembimbing luar yang keseluruhannya memenuhi pembangunan kerohanian dilihat dari aspek pembangunan akidah, syariah dan akhlak serta pembangunan keilmuan yang bersifat kemahiran dan motivasi bagi meningkatkan ilmu pengetahuan saudara baru.
- v. Aktiviti pengisian ilmu yang dijalankan dapat memberi sumbangan besar kepada saudara baru dalam menambah ilmu pengetahuan mengenai amalan-amalan harian (ibadah) dan memantapkan kefahaman akidah mereka. Di samping itu, mereka dapat memahami dengan lebih jelas mengenai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam kehidupan harian. Ini terbukti dengan penjelasan yang diberikan oleh kebanyakan saudara baru bahawa hasil dari mengikuti aktiviti pengisian ilmu yang dianjurkan oleh JAWI.

5.2.2.2 Aktiviti Sambutan Keagamaan

- i. Aktiviti sambutan keagamaan diadakan adalah bertujuan untuk menggambarkan keistimewaan Islam dengan lebih jelas dan terang. Aktiviti ini membincangkan dengan lebih terperinci mengenai penghayatan Ramādhan, sambutan Aidilfitri, sambutan Maal Hijrah, sambutan Maulidur Rasul dan sambutan Isra' dan Mi'raj.
- ii. Aktiviti sambutan keagamaan ini adalah positif dan manfaat kepada saudara baru. Aktiviti ini menunjukkan peristiwa dalam Islam untuk dijadikan wacana sejarah di dalam kehidupan mereka. Justeru, majlis ini adalah aktiviti tahunan yang dilengkapi dengan pelbagai acara seperti ceramah, kuiz, persembahan nasyid dan lain-lain lagi. Ia bertujuan memperingati hari kebesaran Islam untuk diterjemahkan pengiktibarannya dalam realiti semasa.

5.2.2.3 Aktiviti Kebajikan

- i. Aktiviti kebajikan yang diprogramkan terhadap saudara baru di JAWI iaitu ziarah saudara baru/Muslim untuk mengesan saudara baru yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan majlis sambutan hari keluarga saudara baru/Muslim peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan dan menghubungkan silaturahim sesama Muslim.
- ii. Ziarah saudara baru/Muslim amat penting untuk mendekati mereka supaya dapat menarik untuk mempelajari ajaran Islam serta mengamalkannya, bahkan mereka ini mesti dipantau dan di kesan

keadaannya dari masa ke semasa supaya dapat membantu mereka mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengannya.

- iii. Majlis sambutan hari keluarga saudara baru/Muslim peringkat Wilayah Persekutuan pula sangat penting dan berguna terhadap saudara baru. Pengisian majlis ini merangkumi ceramah, tazkirah, bengkel dan taaruf serta majlis muhibah dijalankan bagi memantapkan lagi keharmonian mereka menurut perspektif Islam.

5.2.3 Masalah Dalam Aktiviti Dakwah Saudara Baru di JAWI

Hasil kajian berkaitan masalah dalam aktiviti dakwah saudara baru di JAWI dapatlah dirumuskan seperti berikut:

- i. Masalah saudara baru.
- ii. Masalah pendakwah.
- iii. Masalah penganjur.

5.2.3.1 Masalah Saudara Baru

- i. Masalah saudara baru tidak komited dan tingkah laku negatif adalah sebagai igauan buruk di dalam sesuatu aktiviti dakwah, ia harus ditangani dengan seberapa segera dan disesuaikan dengan suasana perubahan semasa agar dengan sendirinya kegiatan aktiviti dakwah dapat menarik minat mereka untuk menyertai mana-mana aktiviti atau program dakwah yang dijalankan.

- ii. Masalah saudara baru berkepentingan juga tidak seharusnya dipandang ringan kerana kesannya sangat besar bukan sahaja kepada aktiviti dakwah, bahkan kepada agama Islam kerana mereka boleh meninggalkan Islam (murtad) sekiranya tidak dapat apa yang dihajati. Langkah untuk mengatasi masalah ini, haruslah dikenal pasti supaya mereka diberikan kursus atau bengkel khas agar mereka dapat memahami Islam dengan lebih dekat, jelas dan bahayanya meninggalkan Islam.

5.2.3.2 Masalah Pendakwah

- i. Pendakwah tidak komited dalam melaksanakan aktiviti dakwah terhadap saudara baru merupakan masalah utama kerana dakwah tidak akan berfungsi dengan baik sekiranya pendakwah tidak komited dengan tugasnya. Sebagai pendakwah amatlah perlu prihatin demi kelancaran aktiviti dakwah tersebut untuk didengar, dilihat, dikaji, ditimbang oleh mereka yang baru menganut Islam iaitu saudara baru.
- ii. Pendakwah tidak sewajarnya melakukan tingkah laku negatif yang boleh menyebabkan hilangnya kepercayaan saudara baru untuk menerima dakwahnya. Pendakwah haruslah bertingkah laku yang sesuai dengan akhlak sebagai seorang pendakwah. Masalah ini perlu diselesaikan dengan secepat mungkin kerana pendakwah adalah merupakan pendukung dakwah. Seandainya pendukung dakwah bermasalah, sudah pasti hasil dakwahnya kurang berkesan dan mendatangkan persepsi yang tidak baik.

- iii. Masalah pendakwah berkaitan dengan institusi dakwah iaitu masalah pentadbiran yang tidak cekap, perancangan dakwah terabai, masalah kekurangan peruntukan kewangan dan salah faham di antara satu sama lain adalah masalah utama. Hal ini haruslah diatasi dengan secepat mungkin untuk mewujudkan hubungan yang baik iaitu ikatan *ukhūwah* sesama mereka supaya dapat bekerjasama untuk membina semangat bagi merencanakan lagi aktiviti dakwah yang sedia ada dan menjadikan institusi dakwah ini sebagai institusi yang mantap dan efisien.

5.2.3.3 Masalah Penganjur

- i. Masalah kekurangan pendakwah atau mubaligh boleh menyebabkan aktiviti dakwah tidak dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Ini kerana segala aktiviti yang dirangka memerlukan gerak kerja yang mencukupi serta individu yang boleh menguruskan sesuatu perancangan dengan baik dan bersistematik. Akibat dari pembahagian kerja yang tidak mencukupi dan teratur akan menyebabkan segala aktiviti atau program yang dirangka tidak dapat dicapai dengan sebaik-baiknya.
- ii. Masalah kewangan adalah menjadi punca utama. Sekiranya kurang peruntukan, kesannya banyak aktiviti dakwah tidak dapat berjalan dengan lancar dan berkemungkinan terabai. Begitu juga keadaan saudara baru yang serba daif dalam kebanyakan hal seperti lemah dalam pembacaan dan penulisan, kurang memahami hukum agama dan lain-lain lagi. Hal demikian, memerlukan jumlah kewangan yang besar untuk membiayainya bagi menjayakan aktiviti tersebut.

5.3 Cadangan dan Saranan

Kajian ini mengemukakan beberapa cadangan dan saranan untuk dipertimbangkan bagi mempertingkatkan keberkesannya.

5.3.1 Kepada Saudara Baru

- i. Bagi golongan yang baru memeluk Islam (saudara baru) disarankan agar mendaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri yang berdekatan dengannya serta melibatkan diri dengan institusi-institusi dakwah yang berperanan terhadap saudara baru agar mendapat pendedahan dan pengajaran yang tersusun dan sempurna. Ini kerana institusi tersebut memainkan peranan utama dalam membimbing dan mendorong saudara baru untuk memahami dan mengamalkan Islam dengan lebih sempurna, bahkan sentiasa melindungi mereka daripada agenda jahat daripada musuh-musuh Islam yang sentiasa bersedia merosak dan memesongkan akidah umat Islam.
- ii. Bagi saudara baru yang tinggal di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, mereka haruslah menyertai aktiviti dakwah yang diprogramkan oleh JAWI kerana ia banyak manfaat kepada mereka. Dengan menyertai aktiviti tersebut contohnya seperti kelas-kelas pengajian fardu ain, khemah ibadah dan lain-lain lagi sudah pasti mereka memperoleh kekuatan dan semangat untuk menjadi hamba yang bertakwa dengan sebenar-benarnya dan berdaya menolak anasir-anasir jahat yang datang dari pelbagai sudut.
- iii. Saudara baru disarankan supaya mempunyai pembimbing secara individu sekiranya mereka tidak mampu untuk mengikuti kelas-kelas pengajian

yang disediakan disebabkan urusan-urusan tertentu atau sebagainya. Justeru itu, saudara baru tidak seharusnya bergantung pada bahan-bahan bacaan semata-mata sama ada dari bahan cetakkan, elektronik atau sebagainya tanpa panduan daripada guru kerana dikhuatiri tidak dapat memahami isi kandungan maklumat tersebut dan akhirnya akan memesongkan kefahaman mereka daripada akidah sebenar.

- iv. Saudara baru perlu mempunyai kekuatan, keyakinan, keazaman dan motivasi diri yang tinggi untuk mendalami ilmu-ilmu Islam kerana terdapat cabaran dan halangan yang begitu besar di dalam mendalami ilmu-ilmu tersebut yang merupakan sesuatu yang baru bagi mereka. Antara halangan yang mereka perlu tempuhi ialah seperti masa terhad, ketiadaan kerjasama majikan, suasana persekitaran yang tidak membantu dan sebagainya.
- v. Ketika kajian dilakukan, mendapati saudara baru kurang bertanya dalam kelas pengajian asas-asas fardu ain di JAWI. Adalah disarankan kepada mereka yang mengikuti kelas pengajian tersebut supaya lebih aktif mengemukakan lebih banyak soalan kepada tenaga pengajar. Semoga dengan berbuat demikian, kelas pengajian tersebut akan lebih menarik dan berkesan.

5.3.2 Kepada Pendakwah

- i. Para pendakwah perlu memberi penekanan dakwah secara khusus kepada saudara baru iaitu dengan memberi perhatian dengan teknik-teknik yang menarik dan terkini dari sudut penyampaian agar mereka tertarik dan berminat dengan cara dakwah dijalankan.

- ii. Memandangkan pendakwah merupakan elemen penting kepada keberkesanan aktiviti dakwah, maka disarankan mempertingkatkan lagi kemahiran komunikasi melalui mempelajari teori-teori komunikasi dan menghadiri seminar-seminar komunikasi mana-mana anjuran dari masa ke semasa agar dengan usaha tersebut penyampaian mereka lebih baik dan berkesan serta diminati.
- iii. Disarankan agar melengkapkan dan memantapkan diri dengan ilmu pengetahuan agama semasa dan terkini di samping menggunakan pendekatan yang logik akal dalam menyampaikan isu-isu yang berkaitan dengan agama kepada saudara baru.
- iv. Pendakwah hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi terhadap aktiviti dakwah yang sedang atau akan dijalankan. Sikap ambil berat terhadap aktiviti tersebut amat diperlukan kepada setiap pendakwah dalam menyampaikan ajaran Islam.
- v. Pendakwah perlu mempelbagaikan metode atau *manhaj* dakwah kerana berdakwah tidak cukup dengan hanya bergantung pada teknik yang lama sahaja seperti ceramah, forum dan sebagainya, tetapi perlu adanya teknik baru mengikut keadaan sasaran yang boleh menarik minat mereka kepada aktiviti dakwah. Contohnya seperti pendekatan aktiviti dakwah secara tidak formal, bersantai dan sebagainya.

5.3.3 Kepada Masyarakat Islam

- i. Masyarakat Islam disarankan agar bekerjasama dengan institusi-institusi dakwah yang berperanan terhadap saudara baru agar dapat memberi sumbangan secara

lebih bersistematik berdasarkan kepada kelebihan dan kepakaran yang sedia ada di dalam institusi dakwah, supaya dapat memberi sumbangan dalam usaha membantu golongan ini seperti ilmu pengetahuan, menjaga kebajikan dan sebagainya.

- ii. Masyarakat Islam perlu memberi pendedahan dan gambaran yang sebenar mengenai Islam kepada masyarakat *non-Muslim* agar mereka tertarik untuk mendekati dan mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan ajaran Islam.
- iii. Masyarakat Islam haruslah prihatin dan mengambil inisiatif terhadap saudara baru seperti membimbing terutamanya di dalam perkara-perkara asas mengenai ajaran Islam. Masyarakat Islam juga disarankan agar membantu mereka yang menghadapi kesukaran menghadiri ke kelas-kelas pengajian di sebabkan kemaslahatan seperti keuzuran, kesibukan dan sebagainya.

5.3.4 Kepada Institusi-institusi dakwah

- i. Institusi-institusi dakwah disarankan supaya menyampaikan mesej Islam secara lebih meluas dalam kalangan masyarakat *non-Muslim* supaya mereka dapat memahami dan mengenali Islam secara lebih dekat contohnya seperti mengedarkan risalah atau mengadakan program di pusat-pusat membeli belah, keramaian dan sebagainya.
- ii. Institusi-institusi dakwah disarankan agar menyediakan risalah atau buku panduan pada peringkat asas untuk membantu saudara baru seperti cara mengambil wuduk, cara bersolat, cara berakhlak mulia dan sebagainya.

iii. Institusi-institusi dakwah hendaklah memperbanyak dan mempertingkatkan program-program berkaitan dengan ilmiah, kursus motivasi dan kaunseling kepada saudara baru supaya mereka mendapat menimba ilmu pengetahuan kerana masih ramai lagi mereka yang tidak dapat hadir ke kelas-kelas pengajian. Bahkan ramai dalam kalangan mereka yang terhenti disebabkan pengajian mereka di kelas hanya sekadar *basic* sahaja.

5.3.5 Kepada JAWI

- i. Meningkatkan kemahiran mengurus aktiviti dakwah dan pengurusannya hendaklah dikemas kini dari masa ke semasa merangkumi jadual aktiviti dan topik agar lebih menarik kepada sasaran. Aspek pengurusan merupakan alat yang tidak boleh diabaikan atau dipandang remeh. Disebabkan pengurusan yang baik dan kemas akan membantu mencapai hasil yang baik dan cemerlang.
- ii. Disarankan pihak pengurusan Bahagian Kewangan JAWI, menambah peruntukan kewangan untuk melancarkan dan memperhebatkan lagi aktiviti dakwah yang sedia ada supaya lebih mantap dan berkesan.
- iii. Disarankan agar menambah pendakwah (mubaligh) dan pegawai-pegawai yang masih berkurangan di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI supaya setiap kerja berjalan dengan lancar dan berkesan tanpa sebarang penangguhan, kerana statistik yang dikeluarkan dari tahun 2004 hingga 2009 menunjukkan jumlah saudara baru semakin hari semakin bertambah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

- iv. Tetapkan pegawai yang sedia ada supaya gerak kerja mereka berjalan dengan lancar. Pegawai yang berpengalaman merupakan aset penting dalam usaha menjayakan pelaksanaan aktiviti dakwah terhadap saudara baru di JAWI.
- v. Disarankan agar pegawai-pegawai di Unit/Cawangan Saudara baru/Muslim JAWI memberi maklumat kepada pendakwah (mubaligh) mengenai kelemahan yang perlu diperbaiki dalam pelaksanaan sesuatu aktiviti yang berkaitan dengan mereka. Justeru, kajian ini mendapati mereka kurang membuat kajian mengenai kelemahan aktiviti-aktiviti yang dijalankan secara komprehensif. Ini menyebabkan terdapat dalam kalangan saudara baru yang merasa boring dan tidak berminat dengan aktiviti-aktiviti yang sedia ada.
- vi. Memantau saudara baru yang tidak hadir ke program-program yang dianjurkan seperti kelas asas fardu ain, kursus pemantapan akidah, pengajian al-Quran dan sebagainya secara berterusan. Semasa membuat tinjauan, didapati jumlah mereka yang hadir ke kelas-kelas pengajian hanya jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan rekod pendaftaran yang telah dikeluarkan mendapati jumlahnya begitu besar.
- vii. Membuat *post-mortem* setiap aktiviti dakwah yang telah dijalankan bagi melihat masalah, kelemahan dan kekurangan dalam aktiviti tersebut untuk menjadikannya lebih berkualiti. Kebiasaannya punca kegagalan dalam metode atau *manhaj* disebabkan tidak membuat penilaian semula terhadap aktiviti yang telah dijalankan.

viii. Mencari alternatif yang terbaik untuk menarik golongan yang berpendapatan tinggi atau badan korporat yang memahami Islam untuk membantu saudara baru menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

ix. Disarankan kepada JAWI agar kerjasama dengan badan-badan NGO yang terlibat dengan aktiviti dakwah terhadap saudara baru khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seperti PERKIM, IOA ABIM, MACMA, PERMIM dan lain-lain lagi, supaya mencari formula atau teknik yang lebih berkesan untuk memperhebatkan lagi aktiviti dakwah terhadap saudara baru di wilayah tersebut.

5.4 Penutup

Secara keseluruhannya, aktiviti dakwah yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) terhadap saudara baru adalah untuk membantu, membimbing, menggembleng dan membentuk mereka ke arah pembangunan diri iaitu pembangunan ilmu pengetahuan dan kefahaman Islam, bahkan mampu menjadi seorang Muslim yang berketerampilan diri dan pendukung dakwah Islamiah (da'ie). Demikian lagi masalah-masalah yang muncul dalam proses pelaksanaan aktiviti tersebut adalah satu ujian dan dugaan yang perlu ditempuhi dan diatasi dengan sebaik mungkin untuk meningkatkan lagi produktiviti dengan lebih berjaya dan cemerlang.

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karīm.

Ab. Aziz Md. Zin *et. al* (2006), *Dakwah Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Md. Zin (1999), *Pengantar Dakwah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Amran Kasimin (1985), *Saudara Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*, Bangi: Penerbit UKM.

Ab. Jalal Md. Hasan (1993), *Perkahwinan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit A. S. Noordeen.

Abdul Aziz (1992), *Kursus dan Bimbingan Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Naim.

Ab. Halim Shalih (2006), *Keagungan Allah*, Kuala Lumpur: Penerbit al-Hidayah Publishers.

Alias Othman (1983), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Salam.

Abdullah Md. Zin (1998), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM.

Ab. Aziz Md. Yusof (1993), *Panduan Komprehensif Kebahagiaan Keluarga Mukmin*, Kuala Lumpur: Penerbit Gazzara Sdn. Bhd.

Ab. Fatah Haron Ibrahim (1999), *Ahli Sunnah Dan Wujudiah-Baṭīniah*, Kuala Lumpur: Penerbit JAKIM.

Abdurrahman Nawas, DKK. (1995), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Hj. Abdul Majid.

Ab. Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali (2008), *Dakwah Dan Cabaran Islam De-Islamisasi*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd.

Abdul Manan Mulla Bar, *Kaunseling Dalam Konteks Budaya Islam, Satu Teori Peribadi Mengenalinya*, Terjemahan Ishamuddin Hj. Ismail (1990) Kuala Lumpur: Nurin Interprise.

- Azmi Ramli (1981), *Pengurusan*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Afif Ab. Fatah Tabarah (1992), *Nadi Ajaran Islam*, T. T. P, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Ab. Al-Karīm Zaidan (1987), *Usul al-Da‘wah*, Mesir: Mua’ssasah Dār al-Wafā’.
- Aḥmad Ghalwāsī (t.t), *al-Da‘wah al-Islāmiyyah*, Kaḥerah: Dār al-Kitāb al-Misr.
- Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibnu Manzūr al-Afriqī al-Miṣrī (1968), *Lisān al-Arab’*, j. 14, Beirut: Dār Ṣadīr.
- Active Study Dictionnary (1985), *Active Study Dictionnary*, Essex: Longman Group Limited.
- Abdullah Abdul Ḥayyī Muḥammad (1985), *Dirāsah Tahlīliyyah fī al-Da‘wah Wa al-Du‘ah*, Kaherah: Pustaka Muḥammadiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad Ismāīl (t.t), *Sahīh Bukhārī. Kitāb al-Ḥādīs al-Anbiyā’*, Bab Firman Allah Surah Ali-Imrān Ayat 165, no. Hadith: 2353.
- Basmeih, al-Skeikh Abdullah Muḥammad (1983), *Tafsīr Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur’an*, Penerbit: Dār al-Fikr, Kuala Lumpur.
- Badr Azimabadi (2001), *Islam The Final Choice*, Dar Fikri (Terj.), Jakarta Timur: Terbitan Darul Falah.
- Berhanudundin Abdullah (1998), *Dakwah Keluar Kepada Masyarakat Non-Muslim”, Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, Bangi, penerbit: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan.
- Esther French & Nelson G. Lehsten (1973), *Adminitration of Physical Education for schools and Colleges*, New York: The Ronald press Company.
- Fakrul Adabi Ab. Kadir (2006), *Kelas Agama di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya*, Kajian Tesis Universiti Malaya.
- Fadzlullah Shuib (1994), *Penginstitutionan Ilmu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Fa’izah Pajalah (2004), *Persepsi Saudara Baru Tentang Penerimaan Masyarakat Islam Terhadap Mereka, Kajian Kes di Darul Ukhuwah, Johor Baharu*, Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Fariza Md. Sham *et. al* (2000), *Dakwah dan Perubahan Sosial*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fu'ād Ifram al-Bustānī (1941), *Munjid al-Tullāb*, Beirut: Dār al-Musyriq.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥamid (1972), *al-Munqidh min al-dalāl*, disunting oleh Dr. Ab. al-Halīm Maḥmūd, al-Qahīrah: *Dār al-Kutub al-Hadiṭhah*.
- Al-Ghazālī (1967), *Īhyā' ulūm al-dīn*, Juzu' 1, al-Qahīrah: Muassasat al-Ḥalabī.
- Gafar Hj. Don, Berhanududin Abdullah dan Zulkiple Ad. Gani, *et. al* (2000), *pendekatan dakwah kepada saudara baru di Malaysia* (Ed), *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia*, Selangor: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al. Hāsyimī, Muḥammad Ali (198), *Syakhsiyyah al-Muslim*, c. 2, Baurut: Dar al-Quran al-Karim.
- H. Anthony Salmone (1972), *An Advanced Learners Arabic-English Dictionary*, Beirut: Lirbaire Du Liban.
- Hj. Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Hamka (1984), *Prinsip Dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Ibn Kaṭṭhīr (1996), *Tafsīr al-Qur'an al- Azīm*, c. 4. Beirut: Dār al-Khayr.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suara Sorotan*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur: Penerbit Intel Multimedia and Publication.
- Imam Bernadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogarkarta: Penerbit Yayasan FIP-IKIP.
- Ismail Ab. Kadir (1967), *Bakūrah al-Amānī*, c. 6, Pattani: Matba'ah Ḥallabī.
- Ibrahim, Dr. Salah Ab. al-Alim (1992), *al-'Aqidah fi Daw' al-Quranal-Azim*, Qāhīrah: Penerbit Maktabah al-Azhar.
- Ibrāhīm Muṣṭafā (1989), *Mu'jam al-Wasīf*, Istanbul: Mua'ssasah Saqāfah lil Ta'līf wa Taba'ah wa Nasyr wa Tawzi'.

- Ismail al-Faruqi (2008), *Islam dan Kepercayaan Lain*, diterjemahkan oleh Zulkiple Ab. Ghani, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1998), "*Garis Panduan Penamaan Saudara Baru*", Kuala Lumpur.
- Jabatan Agama Wilayah Islam Wilayah (t.t), *Laporan Statistik Saudara Baru JAWI*, Kuala Lumpur: Unit Saudara Baru Bahagian Dakwah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Dari Tahun 2004 Hingga 2009.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1998), "*Garis Panduan Penamaan Saudara Baru*", Kuala Lumpur.
- Koentjaraningrat (1997), *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P. T. Gramidia.
- Kamus Dewan (2010), Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi, Empat.
- Kamus Besar Bahasa Indonesia (1995), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, c. 2, Jakarta: Penerbit Balai Pustaka.
- Kamus Dwibahasa (2002), Dewan Bahasa Pustaka, Kuala Lumpur, Edisi Kedua.
- Kamus Dwibahasa (1999), *Kamus Dwibahasa*, c. 13, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Inggeris Melayu-Dewan, An English-Malay Dictionari* (1992), Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Ahmad al-Qurtubī (1967), *Tafsīr al-Qurtubī*, j. 8. Qāhīrah: Dār al-Kutub al-Arabiyyah.
- Mahmud Yunus (2007), *Tafsir al-Quran al-Karim*, Kuala Lumpur: Penerbit Victory Agencie.
- Mohammad Hasnil Abu Bakar (2004), *Peranan Unit Saudara Kita Jabatan Agama Islam Selangor Dalam Menangani Hak dan Kedudukan Mualaf*. Kuala Lumpur, Kajian Tesis Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mahayudin Yahaya (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Noor Deris (1987), "*Proses Pengislahan di Malaysia*", J. 3, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Mahmmed Jamil Zeeno (2001), *Bimbingan Islam Untuk Individu dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Iman.
- Mustafa Kamil Ayub (1994), *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Mahmmed Jamil Zeeno (2001), *Bimbingan Islam Untuk Individu dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Iman.
- Md. Amin Ab. Rahim (2001), *Panduan Pendakwah Secara Praktikal*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Malik Bennabi, Penterjemah Mohamed el-Tahir el-Mesawi (2008), *Fenomena al-Quran*, Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Md. Asri Zainul Abidin (2008), *Mengemudi Bahtera Perubahan Minda*, Kuala Lumpur: Penerbit, Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- M. Yunan Nasution (1974), *Khutbah Jumaat*, j. 1. c. 3, Jakarta: Bulan Bintang.
- Muara Osman (1989), "*Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Mereka yang Dipanggil Muslim Convert*", (Kertas Kerja Seminar Dakwah Saudara-saudara Baru di Pusat Islam, Kuala Lumpur
- Madkūr Ibrāhīm (1954), *Durūs fī Tārīkh al-Falāsafah*, al-Qāhīrah: Matba‘ah Madkūr.
- Muhammad Ab. Allāh al-Khaṭīb (t.t), *Khasā’is al-Mujtama‘ al-Islāmi*, T. Tp: Darul-Tawzi‘ wa Nasyr al-Islāmiyyah.
- Masyhūr Mustafā (1995), *Min Fiqh al-Da’wah*, j. 2, T. tp: Dār al-Tāwzi‘ wa al-Nasyr al-Islam.
- Malaysia (1996), *Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Penerbit International Low Book Services.
- Massa* (5-11 April 2003), bil. 388.
- Nohanizam Ab. Razak (2005), *Keberkesanan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli di Perkampungan Orang Asli, B 12, Gombak, Selangor*, Kuala Lumpur: Latihan Ilmiah Universiti Malaya.
- Nor Raudah Hj. Siren *et. al.* (2006), *Dakwah Islam Semasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Nur Aisyah Chua Abdullah (2005), *Kisah Saya Saudara Baru*, Kuala Lumpur: Penerbit PTS Publications & Distributors. Sdn Bhd.
- Nasr. SH. (1984), *Science and Civilization in Islam* (edisi Malaysia), Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar.
- Nur Aini Md. Yaman (1998), *Teknik-Teknik Kaunseling (Ditinjau Dari Persepektif Islam)*, Kertas Kerja Seminar Ke Arah Pemupukan Islam Di Dalam Kaunseling Pada 2-4 Ogos 1988 Anjuran Pusat Kerjaya dan Kaunseling IM bertempat Hyatt Saujana Subang, Subang Jaya Selangor.
- PERKIM (1960), *Origin & First Meeting of Pertubuhan Kebajikan Islam se-Malaysia*, 19 Ogos 1960, Arkid Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ridhuan Tee ‘Abdullah (Naib President MACMA Malaysia), Berita Harian, Ruangan Agama, Isnin, 4 Julai 2005.
- Risalah Islam Islamic Outreach ABIM (IOA) t. t, Dana Rayuan Ramadan, Islamic Outreach ABIM, Kuala Lumpur.
- Rozumah Baharudin (2003), *Perkahwinan Campur di Malaysia*, Selangor: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Al-Syāfi‘ī, Muḥammad bin Idrīs, (1993), *al-Umm. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah*.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas (1972), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Arabi Idid (1998), *Kaedah Penyelidikan komunikasi dan Sains Sosial*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sardar Ziauddin (1989), *Explorations in Islamic Science*, Landon & New York: Penerbit Mansell Publishing Limited.
- Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Malaysia: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.
- JAWI (2009), Silibus Pengajian Kursus Asas Saudara Baru, Dikeluarkan oleh Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, Kuala Lumpur.
- Shah Kirit Kalulai Govindji (2005), *Ruangan Rencana*, Ahad, Berita Minggu, 25 Mei 2005.
- Shuib Tuasin (1993), “Amerika Prejudis Terhadap Islam”, Berita Harian, 13 Oktober 1993.

- Al-Ṭabarī, Muḥammad Jarīr (1999), *Tafsīr al-Ṭabarī*. c. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Tg. Norhayati Tg. Hamzah (2006), *Saudara baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran di Kota Baharu Kelantan*, Kajian Tesis Universiti Malaya.
- Teuku Iskandar (1992), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysia (1993), *Undang-undang Malaysia Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan*, Kuala Lumpur: Penerbit JAWI.
- Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru*, Kuala Lumpur: Kajian Tesis Universiti Malaya.
- Wan Md. Nor Wan Daud (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Azmi Ramli (1981), *Pengurusan*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Waḥbah al-Zuḥaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatatuḥ*, Damsyīq: Dār al-Fikr.
- Yūsuf al-Qaraḍawī (2000), *Fiqh al-Zakāh*. c. 24, j. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah. Damsyīq: Dār al-Fikr.
- W. Lawrence Neuman (1991), *Sosial Research Methods Qualitative and Quantitative Approaches*, Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Wahbah al-Zuhailī Penterjemah: Mohammad Luqman Hakiem dan Muhammad Fuad Harīrī (1997), *al-Quran Dalam Melaksanakan Hukum dan al-Quran Peradaban Manusia*, Malaysia: al-Baz Publishing & Distribution Sdn Bhd), Tajuk Asal: Al-Quran al-Karīm, Bunyatuhu al-Tashrī'iyat.
- Yūsuf al-Qaraḍāwī (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Kita Īdamkan*, Ust. Muhammad Zain Yahya (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Seribu Sinar.
- Zaluddin Sulaiman (1995), *Islam Dalam Kehidupan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.
- Zulpan Nasution (2000), *Asas-asas Dakwah dan Pendidikan Islam*, Johor: Terbitan Jahabersa.
- Zakaria Stapa (1998), “Pemantapan Akidah Saudara Baru” (Seminar Penghayatan Islam Saudara Baru II di Universiti Kebangsaan Malaysia, 7 November 1998).

SENARAI TEMU BUAL

1. Ustazah Khairunnisak Ab. Halim, beliau adalah Penolong Pengarah (bahagian aktiviti dakwah) di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI.
2. Hasyidah Mohd Noor, beliau adalah penolong pengarah (bahagian aktiviti dakwah) di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI.
3. En. Shahrhan Kasim, beliau adalah Setiausaha Agung ABIM Pusat di Ampang Hilir 2, Selangor Darul Ehsan.
4. Amran Abdullah, beliau adalah Pegawai Dakwah, Kebajikan & Kaunseling PERKIM.
5. Ustaz Hj. Mohamad Ab. Rahman, beliau adalah seorang pendakwah (Mubaligh) yang berpengalaman luas di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI.
6. Ustaz Hj. Md. Tahir bin Md. Yusoff, beliau adalah seorang pendakwah (Mubaligh) di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI yang berpengalaman luas khususnya dalam bidang kaunseling.
7. Ustaz Hj. Md.Zanafi Mustafa, beliau adalah seorang pendakwah (Mubaligh) di Unit/Cawangan Saudara Baru yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Dari Universiti al-Azhar dalam bidang Usuluddin.
8. Ustaz Hj. Yasan, beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI dari tahun 2008 hingga sekarang (2010).
9. Ustazah Nor'ani Saari, beliau adalah seorang pendakwah (Mubaligh) di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI.
10. Nornazirah Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan India dan berasal dari Ipoh, Perak. Beliau adalah seorang ahli perniagaan runcit di Kuala Lumpur. Masuk Islam pada 1998 kerana kesedaran diri dan mendapat hidayah dari Allah SWT.
11. Sarah Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan India yang berasal dari Perak. Beliau masuk Islam pada 1999 di JAWI.
12. Dara Abdullah, beliau adalah saudara baru berbangsa Iban asal dari Serawak. Memeluk Islam pada tahun 1975 dengan sebab terpengaruh pergaulan dengan masyarakat Melayu dan tinggal di Bandar Tun Razak Ceras, Kuala Lumpur.

13. Nurin Tinungal Abdullah, beliau adalah berketurunan Kadazan dan menetap Selayang Baru, Batu Caves Selangor. Masuk Islam Pada tahun 2000 di JAWI dengan sebab mencari kebenaran dalam hidup.
14. Zalina Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan Cina. Berasal dari Puchong, Selangor. Masuk Islam Jun 2001 di JAWI dengan sebab tertarik dengan keindahan Islam.
15. Md. Amirul Teiwan Abdullah, beliau adalah saudara baru berbangsa Iban dari Serawak. Masuk Islam pada tahun 2007 di JAWI dengan sebab hidayah mimpi. Beliau berkhidmat sebagai anggota tentera Malaysia (ATM).
16. Muhammad Yusof Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan India yang berasal dari Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat sebagai sukarelawan Polis dan RELA. Memeluk Islam pada tahun 2000 di JAWI dengan sebab tertarik dengan masyarakat Islam di Malaysia.
17. Suhaimai Abdullah Hoo, beliau adalah saudara baru berbangsa Cina yang berasal dari Kuala Lumpur. Memeluk Islam pada bulan Mei 2006 di JAWI dengan sebab kesedaran diri kerana banyak membaca buku-buku mengenai Islam.
18. Suriyani Ahmad, beliau berketurunan Kadazan yang berasal dari Sabah dan sekarang menetap di Pandan Jaya, Cheras. Beliau memeluk Islam pada 8 Disember 2009 dengan sebab kesedaran dari kesan mengikuti tv Astro Qasis, pada bulan 12 Mac 2009 yang mengisahkan al-Masih, dari situlah saya mula mendekati dengan Islam.
19. Md. Isa Abdullah, beliau berketurunan India yang berasal dari Cheras, Kuala Lumpur dan masih menetap di tempat tersebut. Beliau memeluk Islam pada tahun 1984 kerana mendapati Islam adalah agama yang sebenar. Kemudian disusuli isteri dan semua anak-anak saya seramai tiga orang.
20. Noeashkin Sandra George, beliau berketurunan Kadazan Sabah dan menetap di Jalan Kucing Taman Batu Jinjang, Kuala Lumpur. Beliau memeluk Islam pada 18 Mei 1999 di JAWI dengan sebab mendapat hidayah hasil dari penerangan yang banyak diberikan oleh kakak mengenai ajaran Islam.
21. Roslinda Abdullah, di beliau adalah saudara baru berbangsa Cina yang berasal dari Cheras Kuala Lumpur. Masuk Islam pada 1991 dengan sebab tertarik dengan amalan yang dilakukan oleh umat Islam.
22. Lili Kee Abdullah, beliau adalah saudara baru berketurunan Cina dan berasal dari Kuala Lumpur, memeluk Islam pada tahun 1975 di JAWI.

RUJUKAN LAMAN WEB

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, [http://www.Gov. my/utama/jawiumum.Htm](http://www.Gov.my/utama/jawiumum.Htm). Diedit Kali Terakhir Pada 12 Julai 2000.

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, <http://www.jawi.gov.my.27/07/2004>.

Jemaah Islam Malaysia (JIM), <http://www.Copyright©2009JIM.HakciptaTerpelihara.designed,by,JoomlArt.com.02/01/2009>.

Angkatan Belia Islam Malaysia, www.abim.org.my. 15/03/2004.

Yayasan Islam Terengganu, <http://yit.gov.my/content/view/21/27,HakciptaTerpelihara2010©YayasanislamTerengganu>. 21/04/2010.

DPD Wahdah Islamiah Makassar, <http://wimakassar.org/wp/mengirim-hadiah.28/04/2011>.

Malaysian Chinese Muslim Association, <http://macma.fotopic.net.com>. 20/06/2008.

Jemaah Islam Malaysia, www.jim.org.my. 15/02/2004.

Noorzihan Mohamed Yin, Gelombang Globalisasi Antara Dua, Sisiwww. 10/01/2006.

Bank Negara Malaysia, www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/bab_1, h. 8, 13. 15/06/2010.

Wikipedia bahasa Indonesia & ensiklopedia bebas, <http://id.wiki.org/wiki/dokumen.com>. 3/03/2011.

Arkib Negara Malaysia, <http://www.arkib.gov.my/333>, Tarikh Kemas kini: 09:38 pm, 03/10/2011.

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral KPM (JAPIM) & Jabatan Bahasa Arab IPIS, <http://ienakhalid.wetpaint.com/page/TMK>, Shamsina Shamsuddin, JAPIM IPIS. 17/02/2009.